



**TALKING POINT**

**YB CHONG CHIENG JEN**

**TIMBALAN MENTERI  
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

**PERASMIAN PEMBUKAAN STESEN MINYAK PETRONAS  
LIN FENG PETROL STATION SDN BHD**

**STESEN MINYAK PETRONAS,  
SG MAONG  
KUCHING, SARAWAK**

**10.00 PAGI  
SABTU, 2 MAC 2019**

**SALUTATION**

**Salam Sejahtera.**

**Terima kasih Pengerusi Majlis,**

**.  
. (rujuk salutation lengkap)**

- **YBhg Dato' Sri Syed Zainal Abidin bin Syed Mohamed Tahir , Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif, PETRONAS Dagangan Berhad**
- **Pegawai-pegawai kanan Kementerian**
- **Pegawai-pegawai kanan agensi-agensi Kerajaan**
- **Pengusaha Stesen Minyak Petronas Sg Maong, Saudara Tang Yew Foo**
- **Rakan-rakan media**
- **Tuan-tuan dan puan-puan**

## **PENGHARGAAN**

1. Terlebih dahulu, saya bersyukur kerana kita diberi kesempatan untuk hadir bersama ke **Program Perasmian Stesen Minyak Petronas, Sungai Maong** pada hari ini.
2. Saya mengucapkan terima kasih kepada **YBhg Dato' Sri Syed Zainal Abidin** dan pasukan PDB di atas jemputan bagi merasmikan **Stesen Minyak Petronas, Sungai Maong** ini.

## **PERKEMBANGAN STESEN MINYAK DI SARAWAK**

3. Saya difahamkan stesen ini adalah **stesen minyak Petronas yang ke-91** di Sarawak dan yang ke-37 di daerah Kuching.
4. Berdasarkan statistik, setakat Februari 2019, terdapat **198 stesen minyak** termasuk stesen minyak mini yang telah beroperasi di seluruh Sarawak. Dengan kadar pertumbuhan stesen minyak pada tahun 2018 pada **2.6%**, **jelas menunjukkan Kerajaan sentiasa menyokong pertumbuhan industri ini, namun pada masa yang sama**

memantau dengan rapi agar pembinaan stesen minyak dipastikan benar-benar memberi manfaat kepada pengguna sasaran.

## **USAHA KERAJAAN MEMBERI AKSES KEPADA PRODUK PETROLEUM DAN GAS DI KAWASAN PEDALAMAN**

5. Selain itu, Kementerian juga sentiasa berusaha untuk memastikan semua **rakyat di pedalaman turut memperoleh akses yang mudah** bagi mendapatkan bahan-bahan asas termasuklah petroleum dan gas yang sememangnya kritikal di dalam kehidupan seharian.
6. Kerajaan akan turut menggalakan pemain pemain industri supaya menambah bilangan **unbranded mini station (UMS)** atau yang berkonsep **portable container system (PCS)** di kawasan pedalaman yang mempunyai masalah kekurangan akses kepada bekalan minyak.
7. Kementerian juga telah menjalankan pelbagai program bagi memastikan rakyat Sarawak, khususnya di kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti sebagai **kawasan-kawasan edaran di bawah Program Penyeragaman Harga KPDNHEP (under-served areas).** Ini termasuklah mewujudkan **Distribution Center (DC) minyak** dan **program Community Drumming** di kawasan pedalaman. Kementerian juga akan mengenalpasti beberapa program yang difikirkan sesuai untuk dijalankan bagi memenuhi keperluan pengguna di kawasan pedalaman.

## **PERASMIAN STESEN MINYAK PETRONAS,SG MAONG**

Para hadirin sekalian,

8. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan selamat maju jaya kepada **Saudara Tang Yew Foo** yang mengusahakan stesen minyak Petronas Sungai Maong ini yang mula beroperasi pada **23 Januari 2019**. Selain daripada memiliki prospek bisnes yang menguntungkan, pembukaan stesen minyak baharu seperti ini dapat menyediakan peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan bagi rakyat Sarawak, di samping menyediakan kemudahan asas kepada penduduk setempat.
9. Selain memenuhi permintaan pengguna yang semakin meningkat di sini, adalah penting juga bagi rakyat Sarawak untuk menikmati bahan api berkualiti tinggi. Lagi-lagi, PDB baru-baru ini telah melancarkan produk baharunya, **PETRONAS Primax 95 with Pro-Drive** yang menjamin pemanduan yang lebih lancar, lebih responsif dan lebih efisien. Saya difahamkan stesen ini juga turut menawarkan produk **diesel Euro 5 dan juga B10 Biodiesel** yang pastinya melambangkan inisiatif PDB dan stesen minyak untuk menawarkan produk-produk terkini yang mesra alam sekitar.
10. Saya difahamkan bahawa stesen ini juga menampilkan wajah baru Kedai Mesra, dengan penambahbaikan penawaran produk, termasuk makanan dan minuman termasuk sarapan Mornings@Mesra.
11. Saya juga amat gembira kerana stesen ini merupakan stesen yang pertama di Sarawak untuk memperkenalkan KFC Drive-Thru. Saya yakin, ini akan dapat menarik lebih banyak komuniti setempat untuk mengunjungi stesen PETRONAS Sg. Maong.

**12.** Saya juga percaya majlis hari ini merupakan satu platform yang dapat digunakan untuk **meningkatkan hubungan serta kerjasama erat antara pihak Kementerian dengan pengusaha**. Ia juga sebahagian daripada usaha berterusan Kementerian untuk sesi libat urus (engagement) dengan semua pemain industri terutamanya syarikat minyak selaras dengan komitmen Kementerian sebagai pengawal selia industri hiliran petroleum.

### **TANGGUNGJAWAB INDUSTRI KEPADA PENGGUNA**

**13.** Di sebalik pertumbuhan stesen minyak, semua pihak perlu juga memastikan bahawa kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat tidak terjejas. Salah satu penanda aras integriti sesebuah syarikat adalah komitmen untuk memastikan pengguna mempunyai platform untuk menyuarakan aduan, kebimbangan dan pertanyaan mereka, serta mendapatkan respon yang segera.

**14.** Saya mengucapkan tahniah kepada PDB dan pengusaha stesen kerana stesen PETRONAS Sg Maong mempunyai platform media sosial yang berdedikasi, yang membolehkan komuniti setempat berhubung dengan mudah dan membolehkan masyarakat berhubung secara terus dalam menyalurkan segala pertanyaan dan komen.

**15.** Penembusan teknologi digital adalah satu usaha yang baik untuk menangani kebimbangan pelanggan, dan saya berharap PDB terus berusaha untuk memastikan keperluan pelanggan dipenuhi, dan menambah nilai kepada perkhidmatan yang diberikan.

**16.** Kementerian amat komited untuk melindungi kepentingan dan hak pengguna dan kami gembira bagaimana PETRONAS sebagai pemimpin industri dan KPDNHEP telah bekerjasama selama bertahun-tahun untuk memajukan industri dan memastikan kepentingan rakyat sentiasa menjadi keutamaan.

## **PENUTUP**

**17.** Sekali lagi, saya ingin mengucapkan tahniah kepada PDB atas pelancaran stesen baru anda, dan saya berharap dapat melihat lebih banyak usaha dan perkembangan yang akan memberi manfaat kepada rakyat Sarawak dalam masa akan datang.

**18.** Saya berharap stesen minyak ini dapat berkembang maju bagi memenuhi permintaan masyarakat setempat. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Stesen Minyak Petronas, Sungai Maong, Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA  
2 MAC 2019**